

Mistri
derma
\$30,000
untuk
seni
silat
gayung

PERKUMPULAN, Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian (PASAK), telah menafikan bahawa pihaknya ada menerima sebahagian dari wang sumbangan yang diberikan oleh seorang tokoh politik di Malaysia Timur untuk mengembangkan seni silat gayung di rantau ini.

"Kami tidak menerima sebarang bantuan dari luar untuk mempopularkan dan mengembangkan seni silat gayung di sini," jurucakap persatuan itu menjelaskan semalam.

Sumbangan

Bagaimanapun, jurucakap itu berkata, pihaknya akan menghargai sebarang sumbangan, kalaulah sumbangan itu semata-mata untuk mengongkosi kegiatan seni budaya dan tidak untuk maksud - maksud lain.

Dia menyatakan demikian tatkala mengulas sebuah berita di Semenanjung Malaysia yang mengatakan wang sebanyak \$30,000 telah didermakan kepada pertubuhan silat gayung Malaysia, Singapura dan rantau ini.

Laporan itu menyebut pengumuman yang dibuat oleh Mahaguru Silat Gayung, Datuk Meor Abdul Rah-

Kata mahaguru itu, Tun Datuk Mustapha menderma beberapa bulan lalu, tetapi dia mengumumkannya baru-baru ini kerana kebetulan hari itu menjadi hari Sang Sapurba Negara bagi pertubuhan itu.

Mengulas berita itu, seorang jurucakap PASAK berkata, pihaknya sedar tentang ura-ura yang dibuat oleh Tun Datuk Mustapha.

"Tetapi, sejauh ini kami belum dihubungi atau diberitahu samada sebahagian dari wang derma itu diberikan kepada kami ataupun tidak," katanya. Katanya lagi, PASAK, yang kegiatan silatnya adalah mengikut seni gayung telah bergerak dengan pembiayaan wang ahli-ahli dan tidak menerima sebarang sumbangan dari luar.

PASAK pernah menerima tawaran untuk menghantarkan para instraktornya ke Sabah, tetapi hingga kini tidak mendengar khabar berita dari pihak pengundang.

"Kami telah mengadakan banyak pertunjukan silat secara percuma di Malaysia semata-mata untuk menghidupkan kesenian itu," dia menjelaskan.

Seorang wanita antara yang terima bengkok

Berita Minggu - 1 DEC 1974

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Seramai 19 orang termasuk seorang wanita telah menerima sijil, bengkok serta Sandang Imam Gelanggang Seni Silat Gayung dalam satu majlis di Dewan Belia Kampung Pandan di sini petang tadi.

Mereka yang terdiri dari guru-guru pelatih dari Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim dan Maktab Perguruan Bahasa telah menerima sijil dan bengkok dari Timbalan Pengarah Pelajaran Malaysia, Encik Isa Ramli.

Sandang Imam Gelanggang pula telah disampaikan oleh Yang Dipertua Silat Seni Gayung Malaysia, Datuk Mahaguru Meor Abdul Rahman bin Uda Mat Hashim.

Latihan

Upacara tersebut adalah sempena tamat latihan Silat Seni Gayung bagi guru-guru pelatih itu yang telah menjalani latihan di dewan tersebut sejak 16 November lalu.

Seramai 12 orang dari mereka termasuk peserta wanita tunggal, Cik Zaitun binti Abu Bakar, dari Maktab Perguruan Bahasa, telah menerima Bengkok Hijau atau "Pelangi Hijau" sementara 7 orang lagi menerima Bengkok Merah atau "Pelangi Merah."

Ketika berucap di majlis tersebut, Encik Isa menyeru guru-guru tersebut mengembangkan seni pusaka nenek-moyang.

"Belia di negara ini kini terdedah dan mudah terpengaruh kepada unsur-unsur barat yang buruk seperti menyalahgunakan dadah serta kebudayaan kuning.

Bimbing

"Jadi sudah menjadi tugas guru-guru untuk membimbing murid-murid mereka supaya tidak terpengaruh dengan pengaruh kotor itu.

"Satu caranya ialah mengajar murid-murid tentang Silat Seni Gayung kerana ianya dapat mendisiplinkan mereka," kata Encik Isa.

Pertubuhan Silat Seni Gayung Malaysia telah mempunyai seramai 88 orang Mahaguru mengajar anggota tentera, seramai 48 orang lagi dalam Pasukan Polis dan kini ianya hendak